

09 MAR 1997

Pemuda-sekretariat

PEMUDA BN TUBUH SEKRETARIAT TETAP PEMUDA BN

KUALA LUMPUR, 9 Mac (Bernama) -- Pergerakan Pemuda Barisan Nasional (BN) akan membincangkan mengenai penubuhan sekretariat tetap Pemuda BN Selasa ini.

Pengerusi Majlis Perpaduan dan Intergrasi Nasional Pergerakan Pemuda UMNO, Encik Zulkifli Alwi berkata ini adalah julung kali sekretariat seumpama itu ditubuhkan atas arahan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad selaku Pengerusi BN.

Katanya, dengan adanya sekretariat itu semua tindakan dan pendirian pergerakan pemuda daripada 14 komponen BN dapat diselaraskan.

Seramai 45 pemimpin kanan pergerakan pemuda BN akan menghadiri mesyuarat penubuhan sekretariat itu yang akan dipengerusikan oleh Ketua Pergerakan Pemuda UMNO, Datuk Ahmad Zahid Hamidi di ibu pejabat pemuda Umno, Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra, di sini.

Mesyuarat pada hari Selasa itu juga akan membincangkan penubuhan Jawatankuasa Pergerakan Pemuda BN dan anggota yang akan dilantik akan diumumkan oleh Ahmad Zahid selepas mesyuarat itu.

Bagai Jawatankuasa menangani masalah sosial, ia akan mengadakan mesyuarat sendiri selepas itu bagi merangka program untuk menangani masalah sosial masyarakat.

Selain itu, Pergerakan Pemuda BN juga akan merangka program gerak kerja pemuda BN dan konvensyen Pemuda BN, yang dijangka diadakan di Kuching pada pertengahan tahun ini dan perhimpunan pemuda BN pada 16 Sept depan.

--BERNAMA

ARA RI